# Garis Panduan Permohonan Cuti Belajar Akademik

## SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR

## Peringkat pengajian PhD/Sarjana Perubatan

**A. Dasar:**

Penajaan tenaga pengajar UNIMAS yang berpotensi dan berkelayakan ke peringkat Ijazah Lanjutan iaitu Sarjana Doktor Falsafah dan kepakaran di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara.

**B. Syarat Am & Kelayakan**

- Merupakan **warganegara Malaysia**
- **Telah disahkan dalam jawatan**/perkhidmatan dan **berkhidmat** sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** (Pensyarah)/Pensyarah Perubatan Pelatih (DU13P) tertakluk kepada pelepasan Ketua Jabatan.
- **Mendapat PNGK 3.00 ke atas untuk Ijazah Sarjana Muda**
- Bebas dari tindakan mahkamah atau tindakan tatatertib
- Pemohon perlu menyediakan kertas cadangan pengajian PhD (*proposal*) atau Pelan Pengajian bagi Sarjana Perubatan
- Calon ke Luar Negara perlu **LULUS** Tapisan Keselamatan Kerajaan
- Bebas daripada penyakit kronik seperti yang ditetapkan JPA
- Bebas daripada senarai hitam PTPTN
- Tidak memegang sebarang jawatan pentadbiran
- Tidak terlibat dengan proses permohonan akreditasi MQA

**C. Syarat Khusus**

- Mendapat tawaran tanpa pra-syarat tambahan untuk tujuan kemasukan.
- Mendapat perakuan *JKCB* Fakulti (khususnya dari segi *rating* dan keperluan program selaras dengan perancangan Fakulti) sebelum dipertimbangkan oleh JKCB UNIMAS
- Telah Menghadiri Kursus Persediaan Sebelum Cuti Belajar yang dianjurkan oleh Seksyen Pengurusan Cuti Belajar, UNIMAS [untuk pengajian peringkat PhD sahaja]
- Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan (dalam bentuk buku, jurnal, dll)
- Mengemukakan bukti keupayaan menjalankan penyelidikan (geran penyelidikan) dan fail kursus yang lengkap bagi membuktikan kompetensi dalan pengajaran

**Peringkat PhD**

**Umur:** tidak melebihi **empat puluh tiga (43) tahun**

*Pengajian Dalam dan Luar Negara

**Peringkat Sarjana Kepakaran/Perubatan**

**Umur:** tidak melebihi **empat puluh lima (45) tahun**

*Pengajian Dalam Negara sahaja

**D. Pemilihan Universiti**

- ✓ **Tertakluk kepada syarat Penaja seperti KPT dari semasa ke semasa**
- ✓ **Dalam Negara** –Diktiraf oleh kerajaan & tidak digalakkan menjalankan pengajian di Fakulti/Universiti yang sama dengan tempat bertugas**. Pemohon digalakkan untuk memohon luar Negeri Sarawak.**
- ➢ 20 UA atau Universiti Swasta berstatus Government Linked Universities UTP, UNITEN, MMU, UniKL

- Perluasan kepada Universiti Kampus Cawangan Luar Negara seperti Monash University Malaysia, University Nottingham Malaysia, Swinburne University of Technology Sarawak Campus, University of Southampton Malaysia, University of Reading Malaysia, Curtin University Malaysia, Heriot-Watt University Malaysia (tertakluk kepada keputusan KPT dari semas ke semasa)

**i. Universiti pengajian selain United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia atau yang menawarkan yuran percuma/minimum:**

a. 100 universiti terbaik dunia berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan; ATAU

b. 100 universiti terbaik dunia mengikut subjek berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan.

**ii. Universiti pengajian di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia**

a. 25 universiti terbaik dunia berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan; ATAU

b. 25 universiti terbaik dunia mengikut subjek berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan.

| E. Bidang Pengajian: | F. Syarat Bahasa Inggeris (Universiti Luar Negara) |
|---|---|
| ➢ Bidang dianggap **kritikal dan tidak ditawarkan** oleh universiti tempatan dan harus mengemukakan bukti yang jelas ketiadaan/kesukaran mendapat penyelia di universiti tempatan.<br>****Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang tiada latar belakang pengajian luar negara dan keutamaan juga diberikan kepada calon-calon PhD** | ✓ **Dalam Negara:** Dikecualikan dari menduduki ujian Bahasa Inggeris melainkan jika disyaratkan oleh universiti pengajian<br>✓ **Luar Negara:** Skor TOEFL: 600 (Paper Based)/ 240 (Computer Based)/ 92 (Internet Based); IELTS-6.5 ke atas<br>✓ **Tempoh sah keputusan TOEFL/IELTS: 2 tahun** |

**Prosedur Permohonan**

- ✓ Memohon menggunakan sistem **UNIMAS ASTRA (Academic Study leave and Tracking Request) [https://astra.ia.unimas.my]**
- ✓ Permohonan cuti belajar akademik terhad kepada kuota yang diperuntukkan oleh KPT kepada UNIMAS berdasarkan unjuran daripada Fakulti/Institut.

**Nota:** Hanya pemohon yang melepasi kesemua syarat di atas layak memohon dan akan dibawa ke Jawatankuasa Melulus. Kesemua dokumen ini perlu **disahkan terlebih dahulu** sebelum dimuat naik (*upload*) ke sistem ASTRA.

# Garis Panduan Permohonan Cuti Belajar Akademik

## SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR

### Peringkat pengajian Sub Kepakaran

**A. Dasar:**

Bermatlamat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf akademik UNIMAS bagi Latihan Sub-Kepakaran untuk staf perubatan **FPSK SAHAJA** yang akan mendatangkan faedah kepada negara, Universiti dan staf itu sendiri.

**B. Syarat Am & Kelayakan**

- Merupakan **warganegara Malaysia**
- Berjawatan **tetap dan telah disahkan perkhidmatan**
- **Umur**
  - **Dalam dan Luar Negara:** tidak melebihi **empat puluh lima (45)** tahun
- Berkhidmat sekurang-kurangnya 1 tahun **SELEPAS** dianugerahkan Sarjana Kepakaran
- Tidak menerima sebarang bentuk penajaan & tiada ikatan perjanjian dengan lain-lain pihak
- Bebas dari tindakan mahkamah atau tindakan tatatertib
- Calon ke Luar Negara perlu **LULUS** Tapisan Keselamatan Kerajaan
- Bebas daripada penyakit kronik seperti yang ditetapkan JPA
- Bebas daripada senarai hitam PTPTN
- IELTS/TOEFL dikecualikan
- Telah mendapat surat tawaran daripada Institusi
- Pemohon perlu menyediakan Pelan Pengajian bagi Sub Kepakaran

**C . Syarat Khusus**

- Mendapat tawaran tanpa pra-syarat tambahan untuk tujuan kemasukan.
- Memaklumkan sekiranya menerima sebarang bentuk penajaan lain.
- Bidang – Keutamaan diberi kepada bidang-bidang kritikal

**D. Tempoh Latihan Sub Kepakaran: -**

- **<u>Sepenuhnya Dalam Negara</u>** – Tiga (3) atau empat (4) tahun di hospital KKM atau institusi yang dikenalpasti.
- **<u>Sepenuhnya Di Luar Negara</u>** – Satu (1) tahun di hospital/institusi di Luar Negara. (Maksimum)

**E. Pemilihan Pusat Latihan Sub Kepakaran**

**i. Universiti pengajian selain United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia atau yang menawarkan yuran percuma/minimum**

a. 100 universiti terbaik dunia berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan; ATAU

b. 100 universiti terbaik dunia mengikut subjek berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan.

**ii. Universiti pengajian di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia**

a. 25 universiti terbaik dunia berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan; ATAU

b. 25 universiti terbaik dunia mengikut subjek berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan.

| | |
|---|---|
| | (Dasar penetapan rating/ranking ini adalah dikecualikan jika tempat latihan merupakan hospital/institut kesihatan swasta/awam negara berkenaan).<br><br>ii. **Peluang** – Pegawai hanya layak untuk menjalani Latihan Sub Kepakaran, sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan.<br><br>**iii. Prosedur permohonan**<br>Memohon menggunakan sistem **UNIMAS ASTRA (Academic Study leave and Tracking Request) [https://astra.ia.unimas.my]**<br>Permohonan cuti belajar akademik terhad kepada kuota yang diperuntukkan oleh KPT kepada UNIMAS berdasarkan unjuran daripada Fakulti/Institut.<br><br>**Nota:** Hanya pemohon yang melepasi kesemua syarat di atas layak memohon dan akan dibawa ke Jawatankuasa Melulus. Kesemua dokumen ini perlu **disahkan terlebih dahulu** sebelum dimuat naik (*upload)* ke sistem ASTRA. |

UNIMAS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

# Garis Panduan Permohonan Cuti Belajar Akademik

## SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR

### Peringkat pengajian Pos Doktoral

**A. Dasar:**

Bermatlamat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf akademik UNIMAS bagi Latihan Pos Doktoral yang akan mendatangkan faedah kepada negara, Universiti dan staf itu sendiri.

**B. Syarat Am & Kelayakan**

- Merupakan **warganegara Malaysia**
- Berjawatan **tetap dan telah disahkan perkhidmatan**
- **Umur**
  - **Dalam dan Luar Negara:** tidak melebihi **empat puluh lima (45)** tahun
- Berkhidmat sekurang-kurangnya 1 tahun **SELEPAS** dianugerahkan PhD
- Tidak menerima sebarang bentuk penajaan & tiada ikatan perjanjian dengan lain-lain pihak
- Bebas dari tindakan mahkamah atau tindakan tatatertib
- Calon ke Luar Negara perlu **LULUS** Tapisan Keselamatan Kerajaan
- Bebas daripada penyakit kronik seperti yang ditetapkan JPA
- Bebas daripada senarai hitam PTPTN
- IELTS/TOEFL dikecualikan
- Telah mendapat surat tawaran daripada Institusi

**C . Syarat Khusus**

- Mendapat tawaran tanpa pra-syarat tambahan untuk tujuan kemasukan.
- Memaklumkan sekiranya menerima sebarang bentuk penajaan lain.
- Bidang – Keutamaan diberi kepada bidang-bidang kritikal

**D. Tempoh Latihan Pos Doktoral**: -

Tidak melebihi 2 tahun (Samada dalam atau luar Negara)

**E. Pemilihan Pusat Latihan Pos Doktoral**

**i. Universiti pengajian selain United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia atau yang menawarkan yuran percuma/minimum**

a. 100 universiti terbaik dunia berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan; ATAU

b. 100 universiti terbaik dunia mengikut subjek berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan.

**ii. Universiti pengajian di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia**

a. 25 universiti terbaik dunia berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan; ATAU

b. 25 universiti terbaik dunia mengikut subjek berdasarkan *QS World University Rankings/ Times Higher Education World University Rankings/ Shanghai Ranking* mengikut tahun permohonan.

- Syarat tempoh tajaan KPT tidak melebihi 2 tahun. Sekiranya tempoh latihan pegawai adalah 3 tahun, (2 tahun akan ditaja oleh KPT, dan tahun terakhir akan ditaja oleh Universiti). Walau bagaimanapun, tawaran masih tertakluk kepada kelulusan JKCB UNIMAS dan pihak KPT.

UNIMAS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

| | |
|---|---|
| | • Mengeluarkan hasil penyelidikan Latihan Pos Doktoral dalam bentuk artikel/buku untuk diterbitkan.<br>• **Peluang** – Pegawai hanya layak untuk menjalani Latihan Pos Doktoral sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan.<br><br>**F. Prosedur permohonan**<br>Memohon menggunakan sistem **UNIMAS ASTRA (Academic Study leave and Tracking Request) [https://astra.ia.unimas.my]**<br><br>Permohonan cuti belajar akademik terhad kepada kuota yang diperuntukkan oleh KPT kepada UNIMAS berdasarkan unjuran daripada Fakulti/Institut.<br><br>**Nota:** Hanya pemohon yang melepasi kesemua syarat di atas layak memohon dan akan dibawa ke Jawatankuasa Melulus. Kesemua dokumen ini perlu **disahkan terlebih dahulu** sebelum dimuat naik *(upload)* ke sistem ASTRA. |

UNIMAS UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

# Garis Panduan Permohonan Cuti Belajar Akademik

## SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR

### Cuti Sabatikal

**A. Dasar:**

Tujuan atau matlamat sebenar Cuti Sabatikal diberikan kepada Pegawai-Pegawai Akademik Universiti ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai sebagai ahli akademik yang seterusnya akan mendatangkan faedah kepada Negara, Universiti dan pegawai-pegawai itu sendiri.

**B. Syarat Am & Kelayakan**

- Merupakan **warganegara Malaysia**
- Berjawatan tetap dan telah disahkan perkhidmatan
- Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun dengan UNIMAS
- Prestasi Cemerlang sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam lima (5) tahun perkhidmatan
- Mendapat pelepasan Ketua Jabatan
- Had umur semasa membuat permohonan tidak melebihi :

**i) <u>Tempoh Sabatikal Lima (5) bulan</u>**

- 53 tahun pada tarikh menghabiskan Cuti Sabatikal bagi tempoh perkhidmatan yang berterusan selama 3 tahun dengan UNIMAS (Opsyen persaraan 58 tahun)
- 55 tahun pada tarikh menghabiskan Cuti Sabatikal bagi tempoh perkhidmatan yang berterusan selama 3 tahun dengan UNIMAS (Opsyen persaraan 60 tahun)

**ii) <u>Tempoh Sabatikal Sembilan (9) bulan</u>**

- 52 tahun pada tarikh menghabiskan Cuti Sabatikal bagi tempoh perkhidmatan yang berterusan selama 5 tahun dengan UNIMAS
- 54 tahun pada tarikh menghabiskan Cuti Sabatikal bagi tempoh perkhidmatan yang berterusan selama 3 tahun dengan UNIMAS (Opsyen persaraan 60 tahun)

**C . Tujuan Sabatikal**

- ✓ Penyelidikan
- ✓ Pengajian iaitu merangkumi kursus dan latihan
- ✓ Mengajar di universiti yang terkemuka di luar negara
- ✓ Lawatan akademik dan saintifik yang berkaitan dengan bidang pengkhususan dan kepakaran staf berkenaan
- ✓ Penulisan karya asal dengan syarat staf menulis sekurang-kurangnya satu (1) buku /artikel/monograf dalam tempoh Cuti Sabatikal yang diluluskan

**D. Pemilihan Pusat Cuti Sabatikal**

- ✓ Dalam atau Luar Negara / Kombinasi Dalam dan Luar Negara
- ✓ Telah mendapat tawaran daripada institusi berkaitan

**E. Prosedur permohonan**

Memohon menggunakan sistem **UNIMAS ASTRA (Academic Study leave and Tracking Request) [https://astra.ia.unimas.my]** Permohonan cuti belajar akademik terhad kepada kuota yang diperuntukkan oleh KPT kepada UNIMAS berdasarkan unjuran daripada Fakulti/Institut.

**Nota:** Hanya pemohon yang melepasi kesemua syarat di atas layak memohon dan akan dibawa ke Jawatankuasa Melulus. Kesemua dokumen ini perlu **disahkan terlebih dahulu** sebelum dimuat naik (*upload)* ke sistem ASTRA.

## Kelulusan Cuti Belajar

- ✓ Kelulusan Jawatankuasa Fakulti
- ✓ Kelulusan Jawatankuasa Cuti Belajar (JKCB)
- ✓ Kelulusan Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM)

**Senarai Keahlian Jawatankuasa :**

| Ahli Jawatankuasa Cuti Belajar UNIMAS (JKCB) | Ahli Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM) |
|---|---|
| **Pengerusi:**<br>Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)<br><br>**Ahli:**<br>Pendaftar, Bendahari, Penasihat Undang-Undang, Semua Dekan Fakulti, Pengarah Pusat Pengajian Pra U, dan Pengarah Institut.<br><br>**Urusetia**: Seksyen Pengurusan Cuti Belajar (SPCB), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) | **Pengerusi:**<br>Naib Canselor<br><br>**Ahli:**<br>Semua Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Penasihat Undang-Undang<br><br>**Urusetia**: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) |

**JADUAL GANTI RUGI UNIMAS**
**Tempoh Ikatan Perjanjian Dan Jumlah Gantirugi Biasiswa / Hadiah Latihan**

| Tempoh Perjanjian | Tempoh Ikatan Perjanjian (Tahun) | | Jumlah Gantirugi (RM) | |
|---|---|---|---|---|
| | Kursus Bukan Professional | Kursus Bukan Professional | Dalam Negara | Luar Negara |
| Lebih 3 Bulan Hingga 1 Tahun** | 2 | 3 | 40,000 | Kos Sebenar |
| Lebih 1 Tahun Hingga 2 Tahun | 4 | 5 | 100,000 | Kos Sebenar |
| Lebih 2 Tahun Hingga 3 Tahun | 5 | 6 | 120,000 | Kos Sebenar |
| Lebih 3 Tahun | 6 | 7 | 160,000 | Kos Sebenar |

* Kursus Professional meliputi Kursus-kursus seperti Perubatan dan Pergigian, Kejuruteraan, Senibina, Perakauanan (UK & Australia) dan Undang-undang seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan

** Tempoh 3 bulan atau kurang tidak dikenakan ikatan perjanjian dan gantirugi

**JADUAL GANTI RUGI UNIMAS**
**Tempoh Ikatan Perjanjian Dan Jumlah Gantirugi Biasiswa / Hadiah Latihan**

Sub Kepakaran / Pos Doktoral

| Tempoh Perjanjian | Tempoh Ikatan Perjanjian (Tahun) | | Jumlah Gantirugi (RM) | |
|---|---|---|---|---|
| | Kursus Bukan Profesional | Kursus Profesional | Dalam Negara | Luar Negara |
| Lebih 3 Bulan Hingga 1 Tahun** | 2 | 3 | Kos Sebenar | |
| Lebih 1 Tahun Hingga 2 Tahun | 4 | 5 | Kos Sebenar | |
| Lebih 2 Tahun Hingga 3 Tahun | 5 | 6 | Kos Sebenar | |
| Lebih 3 Tahun | 6 | 7 | Kos Sebenar | |

* Kursus Professional meliputi Kursus-kursus seperti Perubatan dan Pergigian, Kejuruteraan, Senibina, Perakauanan (UK & Australia) dan Undang-undang seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan

** Tempoh 3 bulan atau kurang tidak dikenakan ikatan perjanjian dan gantirugi

**JADUAL GANTI RUGI UNIMAS**
**Tempoh Ikatan Perjanjian Dan Jumlah Gantirugi Biasiswa / Hadiah Latihan**

Sabatikal

| Tempoh Perjanjian | Tempoh Ikatan Perjanjian (Tahun) | | Jumlah Gantirugi (RM) | |
|---|---|---|---|---|
| | Kursus Bukan Professional | Kursus Bukan Professional | Dalam Negara | Luar Negara |
| Lebih 3 Bulan Hingga 1 Tahun** | **2** | **3** | **40,000** | **Kos Sebenar**** |

* Kursus Professional meliputi Kursus-kursus seperti Perubatan dan Pergigian, Kejuruteraan, Senibina, Perakauanan (UK & Australia) dan Undang-undang seperti yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan

# Garis Panduan Permohonan Cuti Belajar Akademik

**Rujukan**:

- Perintah Am Bab C, Cuti (1974) ;
- JPA(L)S. 175/4/1-1 KLT. 8 (22) (2009) Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar kepada Pegawai Awam yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Separuh Masa;
- Jadual Tuntutan Ganti Rugi Biasiswa / Hadiah Latihan Persekutuan (2 Julai 2003);
- Surat Edaran KPT.B.600-1 Jld 9 (10) Tahun 2009: Penyeragaman Tindakan Ganti Rugi Bagi Pensyarah-Pensyarah IPTA Yang Ditaja Untuk Melanjutkan Pengajian;
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009 Kesan ke Atas Perkhidmatan bagi Pegawai yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji
- Surat Pekeliling Pentadbiran Kementerian Pengajian Tinggi Bilangan 1 Tahun 2011: Pengurusan Pelajar-Pelajar yang Ditaja Melalui Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) Dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) Kementerian Pendidikan Tinggi;
- Garis Panduan Program Biasiswa Sub Kepakaran Di Bawah Tajaan Bahagian Biasiswa, KPT Tahun 2015;
- Surat Edaran KPT.B.600-4/1/1 JLD2 (28) Tahun 2017: Garis Panduan Penajaan Biasiswa Program Skim Latihan Akademik Bumiputera/ Skim Latihan Akademik IPTA/ Sub Kepakaran/ Post Doktoral Tahun 2017;
- Surat Edaran KPT.B.(S) 600-4/1/18 JLD3 (12) Tahun 2017: Pemakluman Dasar Baharu Pelanjutan Tempoh Biasiswa kepada Pelajar PhD Tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi;
- Kit Hadiah Latihan Persekutuan Tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (Pindaan 2022)

**Urusetia:**

**Seksyen Pengurusan Cuti Belajar UNIMAS**

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

**Aras 2, Bangunan Canselori**

**Universiti Malaysia Sarawak**

**94300 Kota Samarahan**

**Sarawak.**

**No Tel: 082 58 - 1146,1127,1149,1133**

www.bpsm.unimas.my

https://astra.ia.unimas.my

| BIL. | NAMA | JAWATAN | GRED | SAMBUNGAN |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Ruvi Christina Akat (2245) | Pegawai Tadbir | N10 | 1133 |
| 2 | Felicia anak Anthony Reyap (1903) | Penolong Pegawai Tadbir | N6 | 1142 |
| 3 | Noorhafizah binti Aris (1580) | Pembantu Tadbir (P/O) | N2 | 1147 |
| 4 | Herywaty binti Ten (2069) | Pembantu Tadbir (P/O) | N2 | 1146 |
| 5 | Dayang Noor Ain bt Abang Morshidi (2650) | Pembantu Tadbir (P/O) | N1 | 1127 |

UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK